

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat ini,

- Beritahu doctor atau ahli farmasi jika anda ada alergi terhadap sebarang ubat. Biarkan doktor atau ahli farmasi anda tahu apa-apa ubat lain yang anda sedang ambil, terutamanya ubat untuk penyakit kemurungan, penyakit jantung, selesema, ubat kekenduran otot, antibiotik atau vitamin. Jika doktor anda memberitahu anda untuk ambil antasid semasa mengambil ubat-ubat jenis ini, jangan ambil ubat-ubat tersebut dalam masa 2 jam selepas mengambil antasid.
- Beritahu doktor anda jika anda menghidapi atau pernah menghidapi penyakit buah pinggang.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu badan kepada anak anda.
- Antasid mungkin mengandungi garam dalam jumlah yang besar. Bincang dengan doktor sebelum ambil ubat ini jika anda dinasihatkan ambil makanan yang natriumnya rendah.

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Antasid Antacids

M20R0

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

MENGENAI ubat anda

Antasid melegakan kepedihan hulu hati, iritasi perut atau ketakcernaan. Antasid juga boleh digunakan untuk merawat simptom-simptom ulser perut atau duodenum.

Ubat ini kadang-kala juga digunakan untuk kegunaan yang lain; sila tanya doctor atau ahli farmasi kamu untuk maklumat selanjutnya.

Ubat	Fungsi
* Magnesium karbonat	Ubat ini bertindak dengan meneutralkan asid perut yang berlebihan.
* Magnesium trisilikat	
* Aluminium hidroksida	
* Natrium bikarbonat	
* Kalsium Karbonat	

* Kebanyakan antacid datang dalam bentuk kombinasi. Antara jenama- jenama antacid ialah: Mylanta®, Gaviscon®, Mucaine® dan Gelusil®

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Ubat datang dalam bentuk tablet berkunyah atau cecair yang boleh diambil melalui mulut. Kunyah tablet dengan sepenuhnya; jangan telan tablet bulat-bulat. Minum satu gelas air yang penuh selepas ambil tablet.

Goncangkan cecair oral baik-baik sebelum setiap dos supaya ubat boleh dicampur dengan rata.

Pada amnya, jangan makan ubat-ubat oral yang lain atau makan sarapan dalam masa 1-2 jam selepas ambil antasid.

Ikut arahan pada label ubat atau preskripsi dengan teliti. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tak pasti cara yang betul untuk ambil ubat anda.

Jangan ambil antasid lebih daripada 1-2 minggu kecuali diarahkan oleh doctor anda. Anda mungkin memerlukan ubat yang lebih kuat jika simptom-simptom berlarutan terlalu lama.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah hampir sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa ambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Kesan sampingan mungkin boleh hilang semasa rawatan apabila badan anda telah menyesuaikan diri dengan ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika mengalami salah-satu daripada kesan sampingan berikut berlarutan atau mengganggu.

Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Magnesium karbonat	Cirit-birit (untuk antasid yang berdasarkan magnesium)
Magnesium trisilikat	
Aluminium hidroksida	Sembelit (untuk antasid yang berdasarkan aluminium)
Natrium bikarbonat	
Kalsium karbonat	Hilang selera makan

Tanya doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang luar biasa semasa ambil ubat.

Jika anda mengalami salah-satu daripada kesan sampingan yang berikut, hubungi doktor anda dengan segera:

- Susah bernafas
- Bengkak pada bahagian bawah kaki
- Najis berdarah, hitam atau melekat
- Lemah badan

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak